

PARAMETER PENENTUAN *DARURAH* DALAM RAWATAN PRP

Group member

PRODUCT
ID2

Hisyam Bin Mohd Radzi¹, Dr. Roshaimizam Bin Suhaimi¹

¹*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi
MARA, Cawangan Pulau Pinang*

Dr. Mohd Hapiz Bin Mahaiyadin²

²*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi
MARA, Shah Alam, Selangor*

ABSTRACT

Rawatan PRP terhasil daripada darah manusia yang diproses bagi tujuan rawatan sama ada rawatan estetik atau terapeutik. Disebabkan sumber yang digunakan iaitu darah adalah bahan najis, maka sudah pasti memerlukan suatu penelitian tuntas bagi penggunaannya. Syariat Islam menyarankan umatnya untuk berusaha bagi merawat sebarang penyakit yang dihadapi atau mengurangkan kesakitan dialami seseorang. Namun, setiap kaedah rawatan yang digunakan termasuk rawatan PRP masih tertakluk kepada kawalan prinsip-prinsip hukum Islam bagi memastikan rawatan tersebut tidak bercanggah dengan ketetapan syarak. Justeru itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada rawatan berasaskan PRP ini diharuskan kepada umat Islam atau memerlukan suatu garis panduan yang jelas agar dapat diaplikasikan sebagai salah satu bentuk rawatan perubatan semasa. Berdasarkan kajian yang dijalankan, penyelidik merumuskan tiga parameter yang perlu diberi penelitian dalam menentukan hukum fiqh bagi rawatan PRP iaitu (i) penentuan kesahan *masyaqqah*, (ii) kesan buruk penyakit terhadap pesakit dan (iii) penentuan jenis *muharramat*. Oleh yang demikian, rawatan PRP sama ada rawatan dengan tujuan estetik atau terapeutik perlu mematuhi perincian dalam semua parameter berkenaan memandangkan kaedah rawatan tersebut tidak boleh diharuskan secara mutlak. Di samping itu, penggunaan kaedah rawatan PRP memerlukan kepada pertimbangan *masyaqqah* seseorang pesakit. Ini bagi mengelakkan masyarakat mengambil mudah dalam urusan yang melibatkan perkara *muharramat*. Di samping itu, rawatan PRP juga perlu disyorkan oleh pengamal perubatan yang bertauliah dan dilaksanakan mengikut prosedur yang betul bagi mengelakkan risiko kesan sampingan kepada pesakit.

INTRODUCTION

Perkembangan teknologi semasa telah melahirkan pelbagai kaedah rawatan moden bagi mengubati dan merawat pelbagai jenis penyakit. Pengubatan dan rawatan adalah tuntutan dalam ajaran Islam dan setiap penyakit ada penawar baginya. Syamsuri Ali (2015) menyatakan setiap kali muncul sesuatu penyakit, pasti Allah SWT akan hadirkan rawatannya di mana akan terdapat manusia yang mengetahuinya dan ada yang tidak mengetahuinya. Antara kaedah rawatan baru yang muncul pada era ini adalah rawatan *platelet-rich plasma* atau pun singkatannya PRP. Secara dasarnya, syariat Islam tidak menghalang keinginan menjaga kecantikan fizikal kerana hal demikian termasuk dalam kategori penjagaan kesihatan yang berkaitan dengan salah satu maqasid syariah iaitu *hifz al-nafs*. Namun begitu, tidak bermakna setiap rawatan estetik termasuk melibatkan penggunaan sumber haram dibenarkan secara mutlak atas nama keperluan kesihatan. Justeru, adalah penting semua rawatan kecantikan termasuk PRP tertakluk kepada kawalan prinsip-prinsip hukum Islam bagi memastikan rawatan tersebut tidak bercanggah dengan ketetapan syarak.

METHODOLOGY

- (1) Pengumpulan data kajian menggunakan dua kaedah iaitu; (i) kajian kepustakaan, dan (ii) kaedah temu bual.
- (2) Kajian kepustakaan melibatkan kajian-kajian lepas berasaskan sumber primer atau pun sekunder.
- (3) Data kajian dianalisis berasaskan tiga prinsip penting iaitu:
 - Konsep dan kaedah rawatan PRP.
 - Penggunaan bahan bernajis sebagai kaedah rawatan.
 - Hukum dan garis panduan penggunaan rawatan PRP.
- (3) Kaedah temu bual melibatkan responden yang dipilih secara pensampelan bertujuan (pakar syariah dan pakar perubatan).

PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF

PARAMETER KEABSAHAN RAWATAN PRP

Penentuan kesahan *masyaqqah*

Kesan buruk terhadap pesakit

Jenis *muharramat*

Parameter Pertama:


- Dalam bidang rawatan estetik dan terapeutik, terdapat dua keadaan membenarkan pesakit menjalani sebarang rawatan kecantikan yang dianggap *darurah* iaitu :
 - a. Merawat 'kecacatan sejak lahir' pada bahagian atau anggota utama yang pesakit menjalani sebarang rawatan kecantikan yang dianggap *darurah* iaitu :
 - mengganggu keberkesanan pekerjaan, penampilan dan personaliti asas, kemesraan hubungan suami isteri dan kualiti hidup lebih baik, dan
 - a. Memulih 'kecederaan mendatang' pada bahagian atau anggota tubuh disebabkan kemalangan teruk, kelecuman, dan kecederaan yang menjejaskan salah satu fungsi di atas.

Parameter Dua

- Implikasi sesuatu penyakit dalam kes *darurah* mesti mencapai tahap diyakini boleh menyebabkan kematian, kecederaan dan kesempitan teruk kepada pesakit.
- Keadaan serius *masyaqqah* terhadap nyawa dan fizikal pesakit dalam rawatan estetik dan terapeutik adalah tidak sama. Maka nasihat pakar diperlukan bagi mengesahkan *darurah* atau mengelak kesan *darurah* menjadi semakin buruk seperti diabetes, tibi, barah, kegagalan jantung dan hati, dan seumpamanya.
- Kesahan penentuan *masyaqqah* akan lebih diyakini dengan nasihat ulama dan juga pakar yang memiliki kepakaran dalam rawatan terapeutik dan estetik. Pandangan ulama dan pakar perubatan sangat penting dalam pengambilan ubat dan bentuk rawatan yang sesuai di samping mematuhi garis panduan syarak.

Parameter Tiga :

- Penggunaan sumber haram terikat dengan kaedah-kaedah fekah yang menetapkan cara penggunaan yang ketat dan pemilihan bahan haram paling ringan mudaratnya.
- Pesakit perlu mematuhi dua kriteria dalam parameter ini iaitu :
 - i. Hierarchy *muharramat* (minimum ke maksimum) ketika *darurah*.
 - ii. Tahap kesulitan yang mengharuskan penggunaannya.



SHARIAH COMPLIANCES

PARAMETER KEABSAHAN RAWATAN PRP

Penentuan kesahan *masyaqqah*

Kesan buruk terhadap pesakit

Jenis *muharramat*

"LEADING INNOVATION"

SIGNIFICANCES

- ⇒ Menjelaskan hukum penggunaan PRP untuk rawatan terapeutik
- ⇒ Menjelaskan hukum penggunaan PRP untuk rawatan estetik
- ⇒ Memperincikan garis panduan penggunaan PRP untuk rawatan terapeutik dan estetik

NOVELTY/ ORIGINALITY

- ❖ Kaedah penentuan keharusan penggunaan yang bersumberkan perkara yang haram.
- ❖ Pembentukan parameter khusus supaya pengesahan wujudnya *darurah* bertepatan dengan syarat-syarat yang dinyatakan.
- ❖ Tiga parameter utama menjadi pengukur kepada kesahan rawatan menggunakan kaedah PRP.

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

- (1) Laporan Penyelidikan: Kajian Hukum Penggunaan PRP Untuk Tujuan Terapeutik dan Estetik (2021).
- (2) Formation Of Fiqh Parameters For Treatment Using Platelet-Rich Plasma (PRP), *Revista Geintec-gestao Inovacao E Tecnologias*. (2021)